

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.10.2017

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil untuk mengukuhkan nilai mata wang Ringgit Malaysia yang merosot 20% sejak 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, dalam jangka masa pendek, nilai ringgit akan sentiasa dipengaruhi oleh ketidaktentuan faktor luaran. Pada hakikatnya, penyusutan nilai ringgit yang ketara sejak tahun 2014 bukanlah unik kepada ringgit sahaja kerana fenomena ini turut dialami oleh hampir kesemua mata wang serantau berikutan ketidaktentuan faktor luaran. Namun, berpandukan kepada asas-asas

ekonomi negara yang semakin kukuh, nilai ringgit akan meningkat dalam jangka masa sederhana selaras dengan perkembangan positif ini.

2. Perubahan ini dapat dilihat pada tahun 2017, di mana nilai ringgit telah meningkat sebanyak 6.2% (sehingga 19 Oktober 2017) berbanding dolar AS dan mencatat prestasi antara yang terbaik di kalangan negara-negara jiran. Perkembangan ini berpunca daripada kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia berikutan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan eksport yang melebihi jangkaan telah mendorong sentimen yang lebih positif di kalangan pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

3. Selain itu, sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

4. Berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan tersebut, kesan negatif daripada pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (*non-*

deliverable forward) luar pesisir juga telah berkurangan dengan ketara. Kadar pertukaran ringgit di luar pesisir kini lebih menghampiri kadar pertukaran ringgit dalam negeri.

5. Selain daripada itu, volatiliti nilai ringgit juga telah menurun dengan ketara. Ini secara tidak langsung membantu perniagaan dalam membuat keputusan dan menguruskan aliran tunai dengan lebih baik. Pertukaran luar bersih daripada perdagangan juga adalah lebih tinggi pada USD2.2 bilion pada suku kedua 2017 berbanding USD1.0 bilion pada suku pertama 2017.

Tuan Yang Dipertua,

6. Pada bulan April 2017, FMC dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon dan menambah fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan terhadap kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan membantu untuk terus memperdalam pasaran pertukaran asing dalam negeri dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan dalam mata wang ringgit

dan seterusnya mengukuhkan lagi kadar pertukaran ringgit.

7. Inisiatif pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

8. Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkukuhkan daya saing negara. Di samping itu, kekuatan mata wang ringgit juga bergantung kepada aliran keluar masuk dana oleh rakyat Malaysia. Sehubungan itu, rakyat Malaysia juga turut berperanan untuk menyumbang dalam mengukuhkan nilai ringgit dengan mengutamakan produk dan perkhidmatan tempatan.